

PERLAWANAN PERSAHABATAN SEPAK TAKRAW ANTARA PERSATUAN SEPAK TAKRAW BESUT DI PU GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2300-perlawanan-persahabatan-sepak-takraw-antara-persatuan-sepak-takraw-besut-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 18 Ogos 17 – Perlawanan Tertutup Persahabatan Sepak Takraw Antara Kelab Sepak Takraw Pangkalan dan Persatuan Sepak Takraw Besut 2017 telah diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan Udara Gong Kedak.

Perlawanan tersebut dihadiri daripada Pasukan Sepak Takraw Yang Berhormat Mulia iaitu Yang DiPertua Persatuan Sepak Takraw Besut, YBM Tg Zaihan bin Che Ku Abd Rahman selaku ADUN Kuala Besut disambut oleh Pemangku Komander Pangkalan, Lt Kol Hj Khalid bin Hamzah TUDM. Turut hadir sama pada perlawanan tersebut Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan anggota Pangkalan.

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan Sepak Takraw Pangkalan telah menjuarai dengan menewaskan Pasukan Sepak Takraw Besut iaitu BESTA dengan kemenangan 2-0. Perlawanan ini serta Program mesra bersama komuniti dan masyarakat setempat ini harus diteruskan supaya ia boleh mengeratkan hubungan silatulrahim antara warga pangkalan dan masyarakat amnya.



